

D354

R B998 BAH
MAHATHIR - BARANG

LANGKAWI, 4 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERI AMARAN BAHAWA KERAJAAN AKAN CAMPUR TANGAN DALAM PERNIAGAAN DI LANGKAWI SEKIRANYA PARA PENIAGA TERUS MENJUAL BARANG-BARANG PADA HARGA YANG MAHAL.

BELIAU BERKATA MAKANAN DAN SESETENGAH BARANGAN LAIN DI LANGKAWI DIDAPATI DIJUAL PADA HARGA LEBIH MAHAL DARI DI KUALA LUMPUR.

DATUK SERI DR MAHATHIR KESAL DENGAN PERKEMBANGAN ITU DAN BERKATA BAHAWA KERAJAAN MUNGKIN TERPAKSA MEMBUKA KEDAI JIKA PARA PENIAGA TIDAK MENURUNKAN HARGA BARANG.

ADALAH TIDAK MUNASABAH BAGI PARA PENIAGA DI PULAU ITU MENJUAL BARANG-BARANG PADA HARGA YANG MAHAL SELEPAS KERAJAAN MENGISYTIHARKAN PULAU ITU SEBAGAI KAWASAN BEBAS CUKAI, KATANYA KEPADA PEMBERITA DI PULAU SINGA BESAR, SEMPERNA LAWATAN SEHARINYA KE SINI, HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN PARA PENIAGA BAHAWA SEKIRANYA KERAJAAN CAMPUR TANGAN DALAM PERNIAGAAN DI PULAU ITU, LANGKAH ITU AKAN MERUGIKAN PARA PENIAGA SENDIRI. -- LAGI
1619MST 04 06 89

D357

R B000 BAH

MAHATHIR - BARANG 2 LANGKAWI

+KITA BERI PELUANG BEBAS CUKAI TETAPI PARA PENIAGA MENGAMBIL KESEMPATAN Mencari Untung Lebih,+ KATANYA.

KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK MENETAPKAN TEMPOH KEPADA PARA PENIAGA UNTUK MENURUNKAN HARGA BARANG-BARANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENOLAK KEMUNGKINAN KERAJAAN AKAN MENYERAHKAN KEPADA PERNAS UNTUK MENJADI AGEN TUNGGAL MENGIMPORT BARANGAN BEBAS CUKAI DI PULAU ITU.

KATANYA, KERAJAAN TIDAK PERLU MELANTIK AGEN PENGIMPORT TUNGGAL KERANA SESIAPA SAHAJA BEBAS UNTUK MENGIMPORT BARANG-BARANG.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PERSIAPAN-PERSIAPAN UNTUK MENYAMBUK KETIBAAN KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL KE LANGKAWI, OKTOBER INI. -- LAGI
1625MST 04 06 89

D380

R B004 BAH

MAHATHIR - BARANG 3 LANGKAWI

BELIAU KEMUDIAN MELAWAT PROJEK PEMBINAAN JALAN RAYA YANG SEDANG DISIAPKAN DI TELOK DATAI, KILANG MARMAR, PROJEK PEMBINAAN JETI BARU DI KUAH DAN PULAU SINGA BESAR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPUAS HATI DENGAN PERKEMBANGAN PEMBINAAN PROJEK-PROJEK ITU KECUALI PEMBINAAN JETI BARU YANG TERPAKSA DISERAHKAN KEPADA KONTRAKTOR BARU SELEPAS KONTRAKTOR SEBELUMNYA GAGAL MENYIAPKAN PROJEK ITU DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN.

BELIAU JUGA SANGAT BERPUAS HATI DENGAN PROJEK TAMAN HIDUPAN LIAR DI PULAU SINGA BESAR YANG AKAN DIJADIKAN KAWASAN REKREASI DAN PEMELIHARAAN BINATANG-BINATANG SEPERTI RUSA, KIJANG DAN BURUNG-BURUNG.

PERDANA MENTERI TIBA BERSAMA-SAMA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, DI SINI PETANG SEMALAM DAN MENGINAP DI HOTEL PELANGI BEACH RESORT, YANG AKAN MENJADI TEMPAT PENGINAPAN KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA-NEGARA KOMANWEL (CHOGM) SEMPERNA PERSIDANGAN MEREKA, DI KUALA LUMPUR, OKTOBER INI. -- BERNAMA
1714MST 04 06 89